

Rampas kasut RM1.3 juta

KPDNHEP serbu dua premis di Menglembu dan Chandan Raya

IPOH

Sebanyak 27,103 pasang kasut dan selipar tiruan pelbagai jenama dianggarkan bernilai RM1.3 juta dirampas dalam serbuan berasingan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya di sini kelmarin.

Ketua Seksyen Siasatan KPDNHEP Putrajaya, Shamsul Nizam Khalil berkata, operasi serbuan bermula pada jam 11.30 pagi itu dilakukan di dua premis di Kawasan Perindustrian Menglembu dan Kawasan Perindustrian Chandan Raya di sini selepas ri-



FOTO: BERNAMA

Shamsul Nizam (dua dari kiri) melihat sebahagian kasut tiruan berjenama yang dirampas dalam serbuan di sebuah kilang kasut sekitar Kawasan Perindustrian Menglembu kelmarin.

sikan selama dua minggu di lokasi berkenaan.

"Hasil pemeriksaan ke atas premis yang terlibat mendapati

premis tersebut merupakan tempat mengilang dan tempat penyimpanan (stor) melibatkan pelbagai jenis selipar dan kasut

jenama seperti Nike, Gucci, Puma, Levis dan Adidas yang disyaki tiruan," katanya ketika ditemui pemberita di lokasi serbuan di sini kelmarin.

Shamsul Nizam berkata, operasi dijalankan enam anggotanya turut menahan seorang lelaki tempatan berusia 47 tahun yang dipercayai pemilik premis dalam serbuan pertama untuk siasatan lanjut.

Menurutnya, kesemua barang rampasan yang dipercayai untuk dijual di Perak dan negeri-negeri di kawasan utara telah disita dan disiasat di bawah Seksyen 8 Akta Perihal Dagangan 2011.

"Premis yang memproses kasut tiruan dan barangan lain ini dipercayai telah beroperasi selama lima tahun dan kita sedang menyiasat sama ada aktiviti ini dilakukan individu atau sindiket yang membekalkan barangan mentah untuk menghasilkan barangan tiruan," katanya. - Bernama